



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 P.U. (A) 358/1994 PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 1994

Tarikh Penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

22 September 1994
01 Ogos 1994

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Mukadimah

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
Peraturan 2. Pindaan pasal 20 Jadual G.
Peraturan 3. Pindaan fasal 21 Jadual G.
Peraturan 4. Pindaan fasal 28 Jadual G.
Peraturan 5. Pindaan fasal 22 Jadual H.
Peraturan 6. Pindaan fasal 31 Jadual H.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1994** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos 1994.

2. Pindaan pasal 20 Jadual G.

Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [*P.U. (A) 58/89*], yang disebutkan "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, adalah dipinda dalam fasal 20 Jadual G-

(a) dengan menggantikan subfasal (1) dengan subfasal yang berikut:

"(1) Pemilikan kosong Bangunan tersebut yang bekalan air dan elektrik sedia untuk penyambungan hendaklah diserahkan kepada Pembeli dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan kalender dari tarikh Perjanjian ini"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "berserta dengan penyambungan bekalan air dan elektrik" dalam subfasal (2) dengan perkataan "yang bekalan air dan elektrik sedia untuk penyambungan".

3. Pindaan fasal 21 Jadual G.

Subfasal 21(1) Jadual G Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "telah disambungkan" dengan perkataan "sedia untuk penyambungan".

4. Pindaan fasal 28 Jadual G.

Fasal 28 Jadual G Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif "Penjual" takrif yang berikut:

"(ca) "sedia untuk penyambungan" ertinya lengkapan dan lekapan air dan elektrik telah dipasang oleh pemaju dan diuji dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dan bekalan boleh didapatkan untuk ditap ke dalam unit berasingan".

5. Pindaan fasal 22 Jadual H.

Fasal 22 Jadual H Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda-

(a) dengan mengantikan subfasal (1) dengan subfasal yang berikut:

“(1) Pemilikan kosong Petak tersebut yang bekalan air dan elektrik sedia untuk penyambungan hendaklah diserahkan kepada Pembeli dalam tempoh tiga puluh enam (36) bulan calendar dari tarikh Perjanjian ini”.; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “berserta dengan penyambungan bekalan air dan elektrik” dalam subfasal (2) dengan perkataan “yang bekalan air dan elektrik sedia untuk penyambungan”.

6. Pindaan fasal 31 Jadual H.

Fasal 31 Jadual H Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif “Penjual” takrif yang berikut:

“(ha) “sedia untuk penyambungan” ertinya lengkapan dan lekapan air dan elektrik telah dipasang dan diuji dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan dan bekalan boleh didapatkan untuk ditap ke dalam unit berasingan”.

Dibuat pada 1hb September 1994.
[KPKT (12) 791/847/27; PN. (PU²) 31/V.]

DATO' DR. TING CHEW PEH,
*Menteri Perumahan dan
Kerajaan Tempatan*